

KEIBUBAAPAN COVID-19

Pengumuman Khidmat Masyarakat

Pengenalan kepada PKM

1 • Masa Bersama Seorang-dengan-Seorang

2 • Kekal positif

3 • Bina Struktur

4 • Tingkah laku tidak baik

5 • Bertenang dan mengurus tekanan

6 • Bercakap tentang COVID-19

7 • Belajar sambil bermain


8 • Keibubapaan dalam rumah dan komuniti yang penuh sesak

9 • Apabila kita merasa marah

10 • Keharmonian keluarga

11 • Memastikan anak-anak selamat atas talian

12 • Belanjawan keluarga



Pengenalan kepada Pengumuman Khidmat Masyarakat


(Penulisan berikut menjelaskan pengumuman pengenalan yang boleh diberikan pada permulaan siri pengumuman)

Pandemik virus corona telah mengganggu kehidupan keluarga di seluruh dunia. Banyak keluarga yang bergelut untuk memastikan anak-anak termasuk anak remaja memenuhi masa mereka, dan stres serta kebimbangan adalah tinggi. Tapi kami juga tahu, ibu bapa masih mahukan segala yang terbaik untuk anak-anak mereka!

Pengumuman 'Keibubapaan Ceria' boleh membantu. Tip-tip ini dibangunkan oleh pakar-pakar keibubapaan, merangkumi kesemua aspek kehidupan keluarga - bermula dengan bermain sambil belajar dan mengurus stres sehinggalah bercakap tentang COVID-19 dan perbelanjaan keluarga.

Kami akan menyiarkan [satu]* tip keibubapaan pada setiap hari selama 12 hari seterusnya dalam slot "Keibubapaan Ceria". Dengarkan mereka pada [XX]* setiap hari. Kami berharap tip-tip ini akan membantu anda untuk berdaya tindak pada masa yang sukar ini - dan berseronok sambil belajar bersama anak-anak anda!

**Penyiar boleh menyelitkan apa-apa fakta mengikut kesesuaian.*



1 KEIBUBAPAAN COVID-19

Masa Bersama Seorang-dengan-Seorang

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)


Tip hari ini:

- 1 Masa Bersama Seorang-dengan-Seorang adalah hadiah terbaik yang boleh anda berikan.
- 2 Ingat tiga langkah: 'Dengar, Lihat dan Ketawa'.

Pengumuman Khidmat Masyarakat

Sekatan pergerakan adalah sukar bagi semua keluarga, tetapi ada perkara mudah dan percuma yang boleh anda lakukan. Cuba luangkan masa bersama 'Seorang-dengan-seorang' setiap hari dengan anak-anak anda. Ini boleh jadi sesuatu aktiviti yang mereka pilih - seperti bercerita. Atau bercakap tentang orang terkenal yang disukai oleh anak remaja anda. Atau boleh mencuci pinggan mangkuk atau melakukan pembersihan bersama-sama sambil anda menyanyi. Ini akan membuatkan anak merasa penting dan disayangi.

Hanya 20 minit setiap hari akan membantu mereka untuk melalui masa sukar ini. Ingat tiga langkah: Dengar, Lihat dan Ketawa!



2 KEIBUBAPAAN COVID-19

Kekal positif

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:


- Kekal positif.
- Pujian amat berkesan.
- Tanya diri anda - adakah saya telah mengatakan sesuatu yang baik setiap hari?
- Jadilah realistik - jelas - baik.

Pengumuman Perkhidmatan Masyarakat:

Apabila kanak-kanak dan remaja terkurung di rumah, mereka boleh menjadi kecewa dan melanggar peraturan. Tetapi ada perkara yang anda boleh lakukan!

Perhatikan bila mereka berkelakuan baik dan PUJI mereka kerana itu! Ini akan membantu kanak-kanak dan remaja mahu melakukan yang lebih baik.

Tanya diri anda - adakah saya mengatakan sesuatu yang baik setiap hari? Dan puji juga diri anda. Seluruh negara berbangga dengan anda.



unicef
for every child



Maestral



The mark "CDC" is used by the US Dept of Health and Human Services and is used with permission. Use of this mark is not an endorsement by HHS or CDC of any particular product, service, or enterprise.



The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.

3 KEIBUBAPAAN COVID-19

Bina Struktur

[Kembali ke indeks](#)[Klik di sini untuk Beras Buktise](#)[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:


- Menari tarian kaku untuk bersenam.
- Strukturkan hari kepada kerja dan bermain.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Adalah sukar bagi kanak-kanak, remaja dan juga anda apabila sekolah ditutup dan kita tidak boleh keluar dari rumah. Menstruktur hari anda boleh membantu anda semua kekal positif.

Rancang hari anda dengan memperuntukkan masa untuk tugas rumahtangga, kerja sekolah, bermain dan masa bebas. Kanak-kanak boleh membantu membuat rancangan harian.

Jika anda boleh, bersenam setiap hari. Ini boleh dilakukan dalam bentuk permainan tarian kaku di rumah anda. Keluarkan sebahagian daripada tenaga anda!



unicef
for every child



End Violence
Against Children



Maestral



The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.

CHILDHOOD
WORLD CHILDHOOD FOUNDATION
PROMOTING A BETTER WORLD FOR ALL



INTERNET
GOOD THINGS

UNIVERSITY OF
OXFORD

USAID
FROM THE AMERICAN PEOPLE

UNODC
United Nations Office on Drugs and Crime

4 KEIBUBAPAAN COVID-19

Tingkah Laku Tidak Baik

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- 1. Tingkah laku yang tidak baik adalah sangat hampir dengan tingkah laku yang baik. Tolong anak-anak bertukar kepada tingkah laku baik.
- 2. Mencegah, melindungi dan memuji.
- 3. Kanak-kanak mengekspresikan perasaan mereka melalui tingkah laku.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Semua kanak-kanak dan remaja bersalah laku. Terperuk di rumah menjadikannya lebih sukar untuk berkelakuan baik. Anda boleh membantu mengurangkan tingkah laku buruk.

PUJI apa yang mereka lakukan dengan baik. Ini penting untuk semua orang - dari bayi hingga remaja.

Sekiranya mereka berkelakuan buruk, beri mereka peringatan agar mereka berpeluang untuk bertingkah laku lebih baik. Gunakan akibat jika mereka tidak berkelakuan baik (seperti mengambil mainan atau permainan untuk sementara waktu). Dan selepas itu, beri mereka peluang untuk melakukan sesuatu yang baik - dan PUJI mereka untuk itu. Mencegah, melindungi dan memuji.



5 KEIBUBAPAAN COVID-19

Kekal Tenang dan Urus Stres

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- Ini adalah masa yang tertekan. Jaga diri anda, supaya anda dapat menyokong anak-anak anda.
- Anda mungkin terasing tetapi anda tidak keseorangan.
- Cuba ambil masa untuk beristirahat seketika..
- Lakukan sesuatu yang baik untuk diri sendiri.
- Dengarkan anak anda.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Semua orang yang menjaga anak-anak di rumah - anda berhak mendapat pujian! Kami tahu ini adalah sesuatu yang mendatangkan stres, jadi luangkan masa untuk diri sendiri. Sekiranya anda merasa kesunyian, bercakap dengan seseorang. Semasa anak-anak tidur, berehat sebentar.

Cuba cara berhenti seketika yang ringkas ini. Duduk, tutup mata anda. Dengarkan hembusan nafas anda semasa ia masuk dan keluar. Perhatikan bagaimana perasaan anda. Apabila anda sudah bersedia, buka semula mata anda.

Jaga diri anda, supaya anda dapat menyokong anak-anak anda!



unicef
for every child



End Violence
Against Children



Maestral



The mark "CDC" is owned by the US Dept of Health and Human Services and is used with permission. Use of this page is not an endorsement by HHS or CDC of any particular product, service, or enterprise.

The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.



6 KEIBUBAAPAN COVID-19

Bercakap tentang COVID-19

[Kembali ke Indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:


- COVID-19 - perkataan baru pada masa ini.
- Ilmu adalah kuasa - bercakap secara terbuka dan jujur.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Bimbang bagaimana hendak bercakap dengan anak-anak anda tentang Coronavirus? Berlaku jujur dengan mereka.

Benarkan mereka bertanya. Jawab dengan jujur. Sekiranya anda tidak tahu jawapannya, adalah OK untuk mengakuinya. Ada banyak perkara yang kita masih cuba mencari maklumat tentangnya.

Jelaskan bahawa COVID-19 tidak berkaitan dengan penampilan orang atau dari mana mereka berasal. Kita boleh menyokong mereka yang sakit. Ajar anak-anak untuk menjadi wira bukan pembuli.



7 KEIBUBAAPAN COVID-19

Belajar Sambil Bermain

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- Bermain adalah perkara yang serius.
- Bermain ialah cara yang bagus untuk belajar.
- Bermain adalah menyeronokkan untuk semua peringkat umur.
- Walaupun di rumah yang paling kecil, anda boleh mencipta masa dan ruang untuk bermain.


Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Terkurung di rumah dengan anak-anak? Mereka boleh belajar sambil bermain.

Cuba permainan pergerakan. Menari dan kemudian berteriak, "Berhenti!". Kemudian sebut nama haiwan dan semua orang melakonkannya.

Buat cerita bersama-sama - setiap orang membuat satu ayat.

Minta anak remaja anda untuk mengemukakan soalan kuiz kepada anda!



World Health Organization



for every child



WORLD VIOLENCE ORGANIZATION



End Violence Against Children



PARENTING FOR LIFELONG HEALTH



Maestral



CENTERS FOR DISEASE CONTROL AND PREVENTION



The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response



CHILDHOOD FOUNDATION



ACCELERATE SUCCESS



INTERNET OF GOOD THINGS



UNIVERSITY OF OXFORD



USAID



UNODC

The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.

8

KEIBUBAAPAN COVID-19

Keibubapaan dalam Rumah dan Komuniti yang Penuh Sesak

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- Adalah sangat sukar apabila kita tinggal dalam keadaan yang penuh sesak.
- Ingat peraturan dan bantu anak-anak memahaminya.
- Jadikan ia sesuatu yang menyeronokkan.
- Masa bersenam adalah baik untuk badan dan minda anda.
- Berkongsi beban - buat jadual dan patuhinya dengan baik.


Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Apabila kita berada dalam rumah atau komuniti yang penuh sesak, sekatan pergerakan adalah sukar untuk anak-anak - dan juga kita!

Apabila kanak-kanak dan remaja berjaya melakukan penjarakan, membasuh tangan dan pengasingan, beritahu mereka bahawa anda sangat bangga dengan mereka.

Cuba bersenam dengan mereka setiap hari - walaupun hanya dengan membuat lompatan ke atas dan ke bawah di rumah. Ia membantu kita kekal sihat dan mengurangkan stres.

Apabila perkara menjadi terlalu membebankan, tarik nafas dalam-dalam sebanyak lima kali. Syabas kerana berjaya sejauh ini!



World Health Organization



for every child



WORLD VIOLENCE ORGANIZATION



End Violence Against Children



PARENTING FOR LIFELONG HEALTH



Maestral



CDC



The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response



CHILDHOOD FOUNDATION



ACCELERATE



INTERNET OF GOOD THINGS



UNIVERSITY OF OXFORD



USAID



UNODC

The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.

9 KEIBUBAPAAN COVID-19

Apabila Kita Merasa Marah

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- COVID-19 boleh membuat anda marah.
- Jauhkan diri anda selama beberapa minit sehingga anda merasa lebih tenang.
- Untuk setiap perkara yang membuat anda marah, ada sesuatu yang boleh membuat anda tersenyum. Cabar diri anda untuk mencari senyuman itu!
- Lalui setiap hari satu demi satu.


Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Sekatan pergerakan dan kebimbangan boleh membuat kita merasa marah dengan anak-anak kita. Terdapat beberapa perkara mudah yang dapat membantu.

Cuba tarik dan hembus nafas dalam-dalam sebanyak lima kali, untuk merasa lebih tenang.

Kurangkan minum alkohol atau jangan minum sama sekali, terutamanya ketika anak-anak belum tidur.

Sains menunjukkan bahawa setiap kali kita tidak menjerit atau memukul anak-anak kita, kita meningkatkan perkembangan otak mereka. Itu kejayaan sebenar!



10 KEIBUBAAPAN COVID-19

Keharmonian Keluarga

[Kembali ke Indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:


- Sekiranya pengasingan tidak dapat dielakkan - terima dan nikmatinya.
- Sekiranya semua orang dapat memainkan sebuah lagu, keluarga dapat mencipta muzik yang hebat.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Berada di rumah dengan orang yang sama adalah sukar bagi semua orang. Tetapi bagaimana kita berkelakuan akan memberi kesan yang besar kepada anak-anak kita - dan mempengaruhi bagaimana semua orang dalam keluarga boleh berjaya.

Cuba gunakan bahasa positif. Beritahu orang lain apa yang anda MAHU mereka lakukan adalah lebih baik daripada apa yang anda tidak mahu mereka lakukan. Dan puji mereka apabila mereka melakukan sesuatu dengan baik. Cuba berkongsi beban dengan orang dewasa lain dalam keluarga - dan libatkan anak-anak dalam tugas yang SESUAI dengan usia mereka.

Ingat, ini adalah masa yang sukar bagi semua orang, tetapi langkah-langkah kecil ini dapat membantu kita untuk lebih baik ketika bersama-sama di rumah.



11 KEIBUBAAN COVID-19

Memastikan Kanak-kanak Selamat Atas Talian

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- 1 Tahu faedah, tahu risiko.
- 2 Keselamatan anak-anak dalam talian adalah di tangan anda - kawal, periksa, pupuk tabiat baik dan gunakan akal.
- 3 Pantau anak anda dan adalah ok untuk memeriksa aktiviti atas talian mereka.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Kanak-kanak dan remaja kini menghabiskan lebih banyak masa dalam talian. Kekal berhubung membantu mereka meneruskan kehidupan ... tetapi juga menimbulkan risiko dan bahaya.

Ini mungkin termasuk orang dewasa yang menyasarkan orang muda untuk tujuan seksual, kanak-kanak atau remaja terdedah kepada kandungan atas talian yang berbahaya, atau berkongsi maklumat peribadi yang boleh membahayakan mereka.

Cara terbaik untuk menjaga keselamatan kanak-kanak dalam talian adalah dengan membuat perjanjian dengan mereka mengenai BAGAIMANA dan BERAPA LAMA mereka boleh berada di internet. Gunakan kawalan ibu bapa. Luangkan banyak masa 'luar talian' untuk aktiviti lain. Dan yang paling penting terus bercakap dengan anak-anak anda. Komunikasi terbuka akan memastikan mereka selamat!



unicef
for every child



End Violence
Against Children



Maestral



The work "COVID-19 Playful Parenting Emergency Response" is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and WellSpring Advisors.

CHILDHOOD
WORLD CHILDHOOD FOUNDATION
FOUNDED BY A. B. M. KUTUB UDDIN



INTERNET
GOOD THINGS

UNIVERSITY OF
OXFORD

USAID
FROM THE AMERICAN PEOPLE

UNODC
United Nations Office on Drugs and Crime

12 KEIBUBAPAAN COVID-19 Belanjawan Keluarga

[Kembali ke indeks](#)

[Klik di sini untuk Berasas Bukti](#)

[Bahasa Lain](#)

Tip hari ini:

- Buat belanjawan dan lindungi keluarga anda dengannya.
- Tiada kejutan - rancang keperluan dan kehendak anda.
- Apabila COVID-19 mengetuk pintu anda, sudah pasti anda perlu merancang sumber-sumber anda.

Pengumuman Khidmat Masyarakat:

Ramai orang tertekan akibat wang pada masa ini kerana COVID-19. Tetapi ada perkara yang boleh anda lakukan untuk membantu.

Mencari pertolongan daripada kerajaan dan organisasi masyarakat. Cari pengumuman atau notis, dan bertanya kepada orang lain.

Buat belanjawan keluarga bersama dengan anak-anak anda. Tentukan barang-barang yang akan anda belanjakan wang pada setiap bulan. Ini dapat mengatasi tekanan dan membantu anda melalui masa sukar ini.



unicef
for every child



End Violence
Against Children



Maestral



The mark "CDC" is owned by the US Dept of Health and Human Services and is used with permission. Use of this mark is not an endorsement by CDC or HHS of any products, services, or companies.



The COVID-19 Playful Parenting Emergency Response is supported by the LEGO Foundation, the philanthropic donors to the University of Oxford's COVID-19 Research Response Fund, and the UKRI GCRF Accelerating Achievement for Africa's Adolescents (Accelerate) Hub. Research on Parenting for Lifelong Health is supported by the UKRI GCRF Accelerate Hub, the Oak Foundation, the European Research Council (ERC) under the European Union's Seventh Framework Programme and the Horizon 2020 Research and Innovation Programme, the Global Alliance for Chronic Diseases under the European Union's Horizon 2020 Research and Innovation Programme, UNICEF, WHO, Oxford University Innovation GCRF Sustainable Impact Fund, the Leverhulme Trust, the Economic and Social Research Council, CIDA, the National Research Foundation of South Africa, Ilifa Labantwana, the John Fell Fund, the Evaluation Fund, the UBS Optimus Foundation, USAID-PEPFAR, the Wellcome Trust, Grand Challenges Canada and Wellspring Advisors.